



MAJLIS
SAMBUTAN
JUBLI PERAK
POLITEKNIK
MELAKA KE-
25

Kunjungan Kemahasiswaan
Politeknik Se-Indonesia
(BAKORMA)

"*Taqabbalallahu
Minna wa Minkum*"
(تقبل الله منا ومنكم)

Satu ucapan yang penuh
bermakna

JAWATANKUASA:

PENGERUSI

HAMIDAH BINTI ABD LATIFF

NAIB PENERUSI

NORAZLINA BINTI DAUT

KETUA EDITOR

MAHERAN BINTI MOHAMED AYUB

WEB MASTER

HAIKAR NUR RIFHAN BINTI BASIR

JURUFOTO

MOHD RIMEE BINTI ISMAIL

KANDUNGAN :

SEGMENT PENGETAHUAN

EDITOR : DR.NORHANA BINTI AHAD

SEGMENT KALAM INSPIRATIF


EDITOR : AHMAD FADLI BIN ABD HADI

SEGMENT PAPARAN TERKINI

EDITOR : HAZIRA BINTI SALEH

SEGMENT PENGUMUMAN

EDITOR: NURUL-FATEHA BINTI MD SANDOLLAH



Berita PMK



Menghayati Ucapan Hari Raya تقبل الله منا ومنكم

Disediakan oleh: Dr. Norhana binti Ahad
Jabatan Pengajian Am

Hari Raya merupakan saat yang penuh dengan kegembiraan dan kesyukuran bagi umat Islam setelah melalui fasa sebulan berpuasa. Kebiasaannya, suasana aidilfitri dimeriahkan dengan tradisi ziarah menziarahi, berkumpul ahli keluarga dan saudara-mara bagi mengeratkan silaturrahim. Tidak ketinggalan juga satu tradisi kecil namun boleh menjadi penghubung jalinan kemesraan iaitu melalui kelaziman memberi ucapan tahniah antara satu sama lain. Ucapan ini dilihat sebagai satu penghargaan terhadap usaha seorang Mukmin dalam menjalankan ibadah bulan Ramadan, selain menambah erat hubungan sesama saudara mara dan sahabat handai.


Dalam praktis semasa umat Islam, ucapan yang lazim diungkapkan dan didengari adalah seperti "Taqabbalallahu Minna wa Minkum" (تقبل الله منا ومنكم) yang membawa maksud "Semoga Allah menerima amalan kita dan amalan kamu". Jika dilihat pada ungkapan ini, ia bukan sekadar ucapan biasa tetapi merupakan doa yang amat berharga. Dengan mengucapkannya, kita berharap agar Allah menerima semua ibadah yang telah dilakukan sepanjang bulan Ramadan, serta kelangsungan ibadah selepas berakhir bulan Ramadan.

al-Hafiz al-Munziri berpandangan bahawa harus mengucapkan "Taqabbalallahu Minna wa Minkum" sebagai tanda rasa kesyukuran yang amat mendalam terhadap nikmat berpuasa dan ibadah yang telah dilakukan sepanjang bulan Ramadan. Bahkan ia juga sebagai bukti keyakinan yang teguh bahawa Allah SWT akan menerima segala amalan baik yang dilakukan, disamping berharap agar amalan tersebut mendapat balasan yang baik di dunia dan di akhirat.

Demikian itu, pada ketika kita melazimi budaya bersalaman sesama saudara mahupun kenalan, adalah lebih baik sekiranya dititipkan bersama doa tulus ini dalam usaha menyebarkan keberkatan dan rahmat kepada sesama umat Islam, dan bukan sekadar keghairahan menyemarakkan suasana perayaan.

Adapun terdapat perbincangan khusus kalangan Ulama' melibatkan hukum ucapan aidilfitri ini atas kapasiti sandarannya pada amalan Nabi SAW, namun Imam Ibn Hajar al-Asqalani berpandangan membolehkan ucapan tahniah (bersempena aidilfitri) berdasarkan riwayat-riwayat yang ada meskipun berstatus lemah namun ia boleh digunakan dalam bab *fadhail 'amal*.

Justeru, marilah kita bersama menzahirkan keceriaan, kemesraan dalam suasana yang penuh dengan rasa ta'abud dan kesyukuran melalui kedatangan aidilfitri. Semoga aidilfitri kali ini menjadi momen yang penuh dengan kebahagiaan dan kesejahteraan buat kita semua. Taqabbalallahu Minna wa Minkum!





Bil Elektrik Tinggi?

Disediakan oleh: Ahmad Fadli bin Abd Hadi

Mari kita kaji dahulu apa itu elektrik. Elektrik merupakan sejenis sumber tenaga sekunder yang diperolehi melalui proses penukaran pelbagai jenis sumber tenaga lain. Sebagai contoh, air, matahari, angin, biojisim, bahan api fosil dan lain-lain.

Berdasarkan statistik oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia pada tahun 2021, terdapat 47 stesen janakuasa di Semenanjung Malaysia dengan enam loji janakuasa arang batu, 14 loji janakuasa solar berskala besar, 16 loji janakuasa turbin gas dan 11 loji janakuasa hidro.

Suruhanjaya Tenaga (ST) bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia sementara Tenaga Nasional adalah pemain utama dalam sektor tenaga di Malaysia.

Secara asasnya, tenaga elektrik diukur menggunakan unit yang dipanggil Watts, yang dinamakan sempena nama James Watts, pencipta enjin stim yang pertama. Di Malaysia, tarif elektrik dikira menggunakan blok-blok Kilowatt-hour (kWh) yang tertentu berdasarkan penggunaan.

Berbalik semula kepada cerita asal kita iaitu bil elektrik tinggi, mengapa terjadi? dan bagaimana atasi? Sekitar penghujung Februari 2024, ramai orang terkejut dengan bil elektrik yang naik melambung, apa dah jadi sebenarnya.

Kita semua tahu negara kita sedang mengalami keadaan cuaca panas yang melampau dan dijangka berterusan sehingga bulan April 2024. Keadaan ini memungkinkan penggunaan tenaga yang ekstrem.

5 Cara untuk menjimatkan elektrik di rumah tanpa melengahkan masa lagi, berikut adalah 5 cara yang mudah untuk menjimatkan elektrik di rumah anda.

1. Matikan Peralatan Yang Tidak Digunakan

Cara yang paling asas untuk menjimatkan elektrik di rumah adalah dengan mematikan peralatan yang tidak digunakan. Sebagai contoh, mematikan kipas dan lampu apabila keluar dari bilik, menutup suis utama televisyen dan komputer jika tidak digunakan atau menutup penapis air sewaktu berada di luar rumah.



2. Gunakan Mentol Lampu Yang Menjimatkan Tenaga

Cara kedua yang boleh digunakan untuk menjimatkan elektrik adalah dengan menggunakan mentol lampu yang menjimatkan tenaga. Lampu diod pemancar cahaya (LED) merupakan pilihan lampu terbaik yang boleh digunakan di kediaman anda.



3. Bertukar kepada peralatan yang menjimatkan tenaga

Barangan elektrik diuji, dinilai dan diberi skor berdasarkan penggunaan tenaganya mengikut kriteria Standard Prestasi Tenaga Minimum (MEPS). Produk-produk ini kemudiannya dilabel menggunakan Label Cekap Tenaga dengan nilai maksima sebanyak lima bintang. Semakin banyak bintang semakin jimatlah tenaga elektrik yang digunakan.




4. Bersihkan Kipas dan Penyaman Udara

Kipas dan penyaman udara yang dipenuhi habuk menggunakan lebih banyak tenaga. Begitu juga dengan penapis yang digunakan pada penyaman udara. Penapis yang kotor bukan sahaja menyebabkan penyaman udara anda menggunakan tenaga yang berlebihan malah turut membuatnya kurang sejuk.



5. Kawal Penggunaan Penyaman Udara

Penyaman udara merupakan antara peralatan yang meningkatkan bil elektrik. Jadi, untuk penggunaan yang optimum, sila gunakan penyaman udara yang mempunyai kapasiti yang bersesuaian dengan ukuran ruang bilik. Elakkan dari menetapkan suhu yang terlalu rendah dari yang diperlukan kerana ia akan menyebabkan penyaman udara menggunakan tenaga yang berlebihan.



Semak Penggunaan Tenaga Elektrik Melalui Aplikasi myTNB

Pernah semak berapa banyak penggunaan elektrik anda guna? Bagi pengguna Smart Meter, anda bolehlah semak penggunaan tenaga elektrik melalui aplikasi myTNB.

Sebenarnya Smart Meter ini direka untuk membolehkan pengguna memantau dan mengurus penggunaan tenaga harian mereka melalui aplikasi myTNB. Cara ini mampu membuatkan anda lebih berhemat dalam penggunaan elektrik.

Sumber Rujukan;

1. <https://www.st.gov.my/>
2. <https://www.facebook.com/TNBCareline>
3. <https://www.malaysianow.com/my/news/2022/04/13/>
4. https://myelectricitybill.my/bill_calculator_domestic.html

Cerdik Matematik

Disediakan oleh: Ahmad Fadli bin Abd Hadi

Kebolehan dan kemahiran mengira dengan pantas sama ada menambah, menolak, mendarab dan membahagi sesuatu nombor adalah sangat-sangat dituntut dalam matematik selain daripada kefahaman konsep sesuatu tajuk matematik itu sendiri.


**Nyonya berkebaya berkain batik,
Makan nasi sayur sawi,
Perkara asas dalam Matematik,
Tambah, tolak, darab dan bahagi.**

Jika dilihat dari pantun di atas, dengan jelas menekankan bijak sifir perlu dikuasai oleh semua pelajar matematik agar pembelajaran matematik menjadi lebih mudah dan menyeronokkan. Tambah, tolak, darab dan bahagi merupakan operasi asas dalam matematik. Masalah utama pelajar sekarang adalah tidak mahir dengan empat operasi asas ini menjadikan matematik ini sesuatu yang membosankan dan membebankan.

Seandainya kita pernah menghantar dan biasa dengan pusat tuisyen Kumon, kita akan dapati bahawa asas pengajaran dan pembelajaran di pusat ini hanyalah operasi asas dalam matematik. Soalan-soalan akan diberikan dan perlu menjawab setiap hari walaupun pada hari cuti. Soalan akan dibekalkan dan dibawa pulang sebagai kerja rumah. Tujuannya adalah supaya pelajar dapat membuat secara berulang dan konsisten. Dengan kaedah ini menjadikan pelajar cekap dan biasa dengan nombor dan dengan cepat, pantas, spontan dan tepat dapat menjawab soalan-soalan yang diberikan.

Dalam keluaran kali ini kita akan lihat satu tipu helah dalam kemahiran darab. Semoga ini akan menjadikan kita lebih berminat dengan matematik selepas ini.

15^2 , bermakna 15×15 , mungkin juga boleh diertikan sebagai sebuah kawasan yang berbentuk segiempat sama yang ukuran panjang dan lebarnya adalah sama iaitu 15 unit.



Jika kita hendak mendapatkan keluasannya iaitu 15×15 , kita biasanya melakukan operasi darab seperti biasa iaitu;

$$\begin{array}{r} 15 \\ \times 15 \\ \hline 125 \\ + 500 \\ \hline 625 \end{array}$$

Tapi sebenarnya kita boleh mengira secara spontan sahaja jika tahu jalan pintasnya. Contoh ;

$$25^2 = 625$$

$$35^2 = 1225$$

Daripada contoh diberikan kita dapat membuat satu inferens bahawa nombor 25 akan muncul secara automatik pada kedudukan puluh dan sa.

Sebagai contoh kita ambil nombor 252;

Caranya adalah dengan mendarabkan nombor 2 dengan nombor 3($1+n$; n dalam contoh ini adalah nombor 2).

Maka kita akan dapat $25^2 = 625$, iaitu nombor 25 akan muncul secara automatik dan nombor 6 itu datang daripada 2×3 .

Contoh lain kita ambil 45^2 ,

$$4 \times 5 (1+n, n=4) = 20$$

Oleh sebab itu $45^2 = 2025$.

Cuba anda dapatkan jawapan-jawapan bagi soalan-soalan dibawah secara spontan menggunakan kaedah yang telah dipelajari.

1. 35^2
2. 55^2
3. 65^2

Sumber Rujukan;

1. Omar Hamat, 1993
"Koleksi Rekreasi Matematik" ISBN 983-9215-00-0
2. <https://my.kumonglobal.com/discover/the-story-of-kumon/>
3. <https://bijaksifir.com/v3>

Uji Minda...

Semasa Giant berumur 6 tahun, adik perempuannya, Jaiko, separuh umurnya. Jika Giant berumur 40 tahun hari ini, berapakah umur Jaiko?

Ketika Dekisugi berusia tiga tahun, dia memaku ke pokok kegemarannya untuk menandakan tingginya. Enam tahun kemudian pada usia sembilan tahun, Dekisugi kembali untuk melihat berapa tinggi paku itu. Sekiranya pokok itu tumbuh lima sentimeter setiap tahun, berapa tinggi paku?

Dengan menggunakan empat nombor sembilan dan operasi asas, bolehkah anda menjadikannya sama dengan 100?



Modul Transformasi Insan (MTI) Politeknik Melaka (PMK) telah dibangunkan oleh empat orang penggubal utama iaitu Dr. Azlan bin Muharam, Dr. Azilahwati binti Adam, Dr. Norhana binti Ahad dan Pn. Hj Normala binti Salimin sebagai salah satu usaha memperluaskan diri mahasiswa PMK yang cemerlang serta berdaya tahan dalam realiti dunia yang mencabar masa kini, melalui kemampuan dan keupayaan mereka dari sudut akademik dan juga pembangunan insani diri.

Modul ini mengetengahkan 5 elemen yang berpadanan dengan 5 semester pengajian pelajar di PMK. Elemen tersebut ialah:



Sahsiah Diri – diambil pada semester 1 pengajian

1



Kepimpinan – diambil pada semester 2 pengajian

2

3

Kemahiran Professional – diambil pada semester 3 pengajian



4

Keusahawanan & Kelansungan Hidup (Survival) – diambil pada semester 4 pengajian

5

Personaliti Diri & Cultural Immersive – diambil pada semester 5 pengajian. .



Pelaksanaan MTI ini telah dimulakan pada pelajar-pelajar yang mendaftar pada sesi 1-2023-2024 yang lalu, dan kini para pelajar tersebut sedang mengikuti Elemen 2 : Kepimpinan. Jangkaan sesi pentas akhir melibatkan elemen 1 & elemen 2 dijadualkan dilaksanakan pada bulan April 2024.

Dari lensa Elemen 1 : Sahsiah Diri

Seramai 47 orang pelajar semester 1 sesi II-2023-2024 telah berjaya melalui fasa perujian saringan elemen 1 MTI - Sahsiah Diri. Terdiri daripada dua kategori iaitu kategori pelajar beragama islam dan bukan beragama Islam. Perujian peringkat saringan ini memerlukan pelajar untuk menyampaikan pengucapan awam dan laungan azan bagi pelajar Muslim lelaki. Para pelajar terlebih dahulu diberikan cadangan tajuk-tajuk pengucapan awam bagi perujian pengucapan awam tersebut.

Hasil perujian saringan, seramai 12 orang yang memiliki markah tertinggi akan dipilih untuk berentap di pentas akhir Elemen 1 bagi merebut gelaran ikon 'Model Dari Langit' pada bulan April 2024.







KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
MELAKA

SENARAI PROJEK PEMIMPIN TERSOHOR

PROGRAM MODUL TRANSFORMASI INSAN (MTI)

KUMP	NAMA PENYELIA	TAJUK PROJEK
1	ADLENA HANY BINTI ABU ADAM	FUN DAY MATHEMATICS WITH PAYASUM
2	SYAHRAZI BIN SAMAH	RAMADAN IFTAR PMK
3	NORLELAH BINTI MAHAT	PROJEK SOLARSHINE PMK
4	NUR HIDAYAH BINTI NORDIN	CSR GOTONG ROYONG SURAU DAN BALAIRAYA TAMAN POKOK MANGGA
5	KHAIRUL AZRY BIN MOHAMAD	GREEN MUSOLLA URBAN FARM (GMU FARM)
6	MUHAMMAD FIRDAUS BIN SULAIMAN	PROGRAM KECERIAAN & KEROHANIAN DI TADIKA PERMATA PINTAR, BUKIT BARU MELAKA
7	RADZIAH BINTI ABD RAHMAN	PROGRAM "BEACH HEROES"
8	MOHD FAIZAL BIN MAT PESA	CSR GOTONG ROYONG KECERIAAN DI PUSAT PERUBATAN ALTERNATIF DARUSSYIFA' SG RAMBAI MELAKA
9	MUZAILINA BINTI MUSLIMIN	URBAN FARMING DI SURAU AR RAUDHAH POLITEKNIK MELAKA
10	HAMIDAH BINTI ABD LATIFF	MAJLIS IFTAR MUALLAF NEGERI MELAKA
11	MARHANIZA BINTI SULAIMAN	PROGRAM KECERIAAN & KEROHANIAN DI TADIKA PERMATA PINTAR, BUKIT BARU MELAKA
12	NORZAINARIAH BINTI ABU HASSAN	WARNA WARNI KASIH DUI RUMAH KASIH TUN ABDUL AZIZ
13	MOHD FAZIL BIN TAHIR	CSR GOTONG ROYONG DI MASJID AI EHSAN, MASJID TANAH, LONDANG, MELAKA
14	NOOR HAFIZAH BINTI AZALI	INTERNATIONAL CULTURE EXCHANGE IN GREEN SUSTAINABILITY : MALAYSIA-BRUNEI-INDONESIA
15	IFADAH SHARIF	LIBRARY HIJAU
16	RUZYISMA BINTI ISHAK	CERAMAH PENGENALAN KEJURUTERAAN AWAM SASARAN PELAJAR TINGKATAN 5
17	SITI NUR FARHANA BINTI ABDUL AZIZ	FROM POLY TO COMMUNITY: CSR PENGINDAHAN DAN KECERIAAN SK MALIM
18	KHAIRULZAMIL BIN MD. NAZIMUDDIN	CSR GOTONG ROYONG DI MASJID POKOK ASSAM, KLEBANG MELAKA
19	NORSELAH BINTI SALLEH	CSR GOTONG ROYONG KECERIAAN DI SURAU AL MUBARAK TAMAN KESIDANG MELAKA
20	ZAIFUL HIZAM BIN HAMIDON	CSR PEMASANGAN TEMBOK BATU PENAHAN OMBAK, PENANAMAN ANAK BENIH BAKAU, PEMASANGAN SOLAR PANEL CCTV DI SUNSET HAVEN CHALLET DAN CSR PEMBERSIHAN SEKITAR PANTAI SIRENG, SERKAM
21	MUHAMMAD FIRDAUS BIN MOHD RAMLEE	CSR GOTONG ROYONG KECERIAAN DI PUSAT PERUBATAN ALTERNATIF DARUSSYIFA' SG RAMBAI MELAKA
22	MUHAMMAD SUBHI BIN ISMAIL	CSR PROGRAM KECERIAAN DI SURAU JUMAAT ARRAUDHAH TAMAN PAYA RUMPUT PERDANA
23	SHAHRLINIZAM BIN BAKAR	SEND AND SELL FOR COMMUNITY



ELEMEN 2 : PEMIMPIN TERSOHOR

- ELEMEN 2 : PEMIMPIN TERSOHOR -



PROGRAM PERTUKARAN BUDAYA ANTARABANGSA DALAM KEMAMPAHAN HIJAU

[MALAYSIA-BRUNEI-INDONESIA]

Modul Transformasi Insan
POLITEKNIK MELAKA



Cik Psthika Dirda Mayantya

Sustainability Consultant &
Partnership,
Bali, Indonesia



**En. Muhd Wa'ie Al-Syafiiq
bin Mohd Shafiee**

Pengerusi Tertinggi, Brunei Youth Council, Brunei.



Pn. Fitriyati binti Bakri

Usahawan Produk
Hijau



Pertandingan Pantun Bertemakan Identiti Politeknik Melaka



Oleh : Maheran binti Mohamed Ayub

Unit Perpustakaan mengadakan pertandingan pantun yang bertemakan “Identiti Politeknik Melaka”. Melalui pantun ini ianya dapat memupuk perpaduan dalam kalangan warga Politeknik Melaka selaras dengan konsep “Perpaduan Melalui Kokurikulum” . Secara tidak langsung staf dan pelajar dapat mengetengahkan identiti Politeknik Melaka dalam karya berpantun. Dengan berpantun kita dapat mengaplikasikan daya fikir dengan cepat, tepat , kritis dan kreatif. Mengekalkan kesenian dan dapat mengembangkan pantun serta seni berpantun sebagai khazanah puisi melayu tradisional dan warisan bangsa. Majlis penyampai hadiah telah disampaikan oleh Pengarah Politeknik Melaka, Sr.Hj.Razali bin Johari



Pantun Bertemakan Identiti Politeknik Melaka

Makan rambutan di tepi laman,
Bijinya jangan sampai tertelan,
Politeknik Melaka Politeknik idaman,
Terbinanya pada tahun 1999.

Membeli gula di kedai Pak Salim,
Kedainya besar cantik sekali,
Politeknik Melaka terletak di Malim,
Pengarahnya Sr. Hj Razali.

Bunga melur di pinggir hutan,
Di atas pohon tumbuhnya anggerik,
Politeknik Melaka ada empat jabatan,
Awam, Perdagangan, Mekanikal, Elektrik.

Ulam raja daunnya lebat,
Enak dimakan bersama nasi,
Politeknik Melaka sangatlah hebat,
Membuat banyak jaringan kolaborasi.

Pohon mawar pohon berduri,
Bunganya harum berwarna merah,
25 tahun Politeknik Melaka berdiri,
Berjaya memenangi pelbagai anugerah.

Tanam kenanga di pinggir kali,
Baunya harum memikat hati,
Politeknik Melaka hebat sekali,
Berjaya lahirkan graduan berkualiti.

Pergi ke kebun bersama Pak Arsyat,
Pohon mangga buahnya lebat,
Politeknik Melaka sungguhlah dasyat,
Stafnya peramah, warganya hebat.

Terbang riang burung kedidi,
Hinggap sebentar di atas atap,
Politeknik Melaka kecil-kecil cili padi,
Sungguhpun kecil tetapi mantap.

Nukilan: Nor Suriati binti Jamaludin

Sanggul Puteri Ayu diikat,
Terpaku raja ibarat mayat,
Perantau datang jauh dan dekat,
PMK tersohor menyambut niat

Sudah diukir hulu belati,
Sumpahan magis di Taming Sari,
Nilai murni rencah intipati,
Denai ilmu TVET disuburi.

Merah, putih, kuning dan biru,
Warna bersatu bahagia dizahir,
3 tahun ilmu diburu,
Pelapis unggul kini terlahir.

Jata Melaka lambang kebesaran,
Bulan dan bintang pelengkap mampan,
Melodi kayangan bukan pasaran,
POLYCC didendang peniup harapan.

Tanah warisan noktah bernomad
Rumah dibina teduhan zuriat
Demokrasi atasan undian muktamad,
Perwakilan muda berjiwa rakyat

Mangkuk ibu di atas para,
Pisau ayah di leher serama
Kami di PMK aman sejahtera,
Berkat Usaha dan Doa Bersama.

Merajuk hati di malam raya,
Kebaya terendam di dalam paya,
Ilmu tembusi di alam maya,
Tiada alasan untuk gagal berjaya.

Bertempur sudah di tengah kota,
Damai jelma lenyap bala,
Politeknik Melaka ladang cinta,
Bumi Melaka saksi segala.

Nukilan: Hussein bin Alias

Things to THINK

The Elephant Rope

As a man was passing the elephants, he suddenly stopped, confused by the fact that these huge creatures were being held by only a small rope tied to their front leg. No chains, no cages. It was obvious that the elephants could, at anytime, break away from their bonds but for some reason, they did not.

He saw a trainer nearby and asked why these animals just stood there and made no attempt to get away. "Well," trainer said, "when they are very young and much smaller we use the same size rope to tie them and, at that age, it's enough to hold them. As they grow up, they are conditioned to believe they cannot break away. They believe the rope can still hold them, so they never try to break free."

The man was amazed. These animals could at any time break free from their bonds but because they believed they couldn't, they were stuck right where they were.

Like the elephants, how many of us go through life hanging onto a belief that we cannot do something, simply because we failed at it once before? Failure is part of learning; we should never give up the struggle in life.

"Kegagalan dalam kemuliaan lebih baik daripada kejayaan dalam kehinaan. Memberi sedikit dengan ikhlas pula lebih mulia dari memberi dengan banyak tapi diiringi dengan riak"



"Tidak ada insan suci yang tidak mempunyai masa lampau dan tidak ada insan yang berdosa yang tidak mempunyai masa depan"



Things to THINK

Everyone Has a Story in Life

A 24 year old boy seeing out from the train's window shouted...

"Dad, look the trees are going behind!"

Dad smiled and a young couple sitting nearby, looked at the 24 year old's childish behavior with pity, suddenly he again exclaimed...

"Dad, look the clouds are running with us!"

The couple couldn't resist and said to the old man...

"Why don't you take your son to a good doctor?" The old man smiled and said..."I did and we are just coming from the hospital, my son was blind from birth, he just got his eyes today."

Every single person on the planet has a story. Don't judge people before you truly know them. The truth might surprise you.

Sejenak... aku termenung...

Bimbang memikirkan dengan siapalah anak akan berkawan dan bersahabat nanti. Siapalah yang agaknya yang akan diidolakan dan dijadikan sebagai contoh dalam kehidupan. Hiburan jenis apakah yang akan dia hadap beberapa tahun lagi...

Ya Allah... Jadikanlah zuriatku anak yang soleh solehah. Lindungilah mereka daripada fitnah dunia. Bawalah mereka ke syurga, dan jadikanlah mereka asbab untuk aku juga masuk syurga. Sesungguhnya dunia ini hanya sementara. Akhirat jualah tempat rehat yang kekal abadi selamanya.

Jangan Pernah Berbalik Arah

"Ketika engkau sudah berada di jalan yang benar menuju Allah, maka berlailah. Jika sulit bagimu, maka berlari kecilah. Jika kamu lelah, berjalanlah. Jika itu pun tidak mampu, merangkaklah. Namun, jangan pernah berbalik arah atau berhenti"

(Imam As-Syafi'i)

KEMBARA BERMOTOSIKAL JUBLI PERAK 25 TAHUN PMK

SEGMENT : PAPARAN TERKINI -16-

Oleh: Muhammad Abdul Hafidz bin Mohd Amin

MELAKA, 23-24 Januari 2024 - Kembara Bermotosikal Jubli Perak 25 Tahun PMK diadakan bertujuan mempromosikan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun bersempena dengan penubuhan Politeknik Melaka. Hal ini bersesuaian dengan misinya, iaitu menyediakan akses yang meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf serta melaksanakan pendidikan yang dinamik seiring dengan revolusi industri yang terkini. Sebanyak dua buah Politeknik dan tujuh buah Kolej Komuniti Melaka dan Negeri Sembilan telah terpilih sebagai persinggahan peserta kembara. Kembara bermotosikal ini melibatkan sebanyak 30 orang peserta yang merangkumi laluan sejauh 400km.



Rombongan peserta kembara disambut mesra dan meriah di setiap persinggahan. Ini membuktikan ikatan ukhwaah terjalin erat bagi keluarga Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Disamping itu, peserta kembara juga menjalankan promosi kemasukan ke Politeknik Melaka bagi graduan-graduan kolej komuniti yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang diploma.





MAJLIS SAMBUTAN JUBLI PERAK POLITEKNIK MELAKA KE-25

Oleh: Hamidah binti Abd Latiff



MELAKA – Majlis Sambutan Jubli Perak Politeknik Melaka Ke-25 julung kalinya diadakan pada 16/2/2024 bertempat di Ballroom Granda Swiss-Belhotel Melaka. Ini adalah merupakan program anjuran Politeknik Melaka dengan kerjasama Alumni PMK. Program ini mensasarkan penglibatan daripada mantan pengarah-pengarah, staf atau pensyarah yang sudah lama berkhidmat melebihi 20 tahun ke atas dan alumni Politeknik Melaka.

Politeknik Melaka (PMK) dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kota, Melaka (PKM) secara rasminya telah bertukar nama kepada POLITEKNIK MELAKA pada 4 Jun 2010. Politeknik Melaka merupakan Politeknik ke-11 di tubuhkan pada 1 Januari 1999 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (ketika itu). Bangunan Politeknik Melaka merupakan bangunan rumah kedai telah dipilih kerana kedudukannya yang strategik berhampiran dengan pusat bandar serta bertepatan dengan konsep “Kampus Kota” yang kebetulan berada di dalam kawasan DUN Kota Melaka



Majlis Sambutan Jubli Perak Politeknik Melaka Ke-25 ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Melaka. Seramai 198 orang tetamu telah hadir ke majlis tersebut yang terdiri daripada alumni, staf, bekas staf Politeknik Melaka, mantan pengarah dan juga Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti sekitar Melaka. Dalam majlis tersebut, turut berlangsung perkongsian kejayaan alumni, penyampaian anugerah MAKP dan persembahan dari pelajar-pelajar Politeknik Melaka.

PERTANDINGAN MUSABAQAH TILAWATIL QU'RAN PERINGKAT POLITEKNIK NASIONAL INDONESIA 2024

Oleh: Nurul Aqilah binti Adnan
Unit Pengantarabangsaan PMK

SEGMENT : PAPARAN TERKINI -19-



MELAKA – Unit Pendidikan Islam Politeknik Melaka (PMK) telah menyahut cabaran dengan menyertai Pertandingan Musabaqah Tilawatil Qu’ran Peringkat Politeknik Nasional Indonesia 2024 bagi Kategori Ceramah Agama. Dua orang pelajar iaitu saudara Muhammad bin S. Arman dan Saudari Nurul Aqilah binti Omar dari program Diploma Akauntansi Jabatan Perdagangan telah dipilih mewakili PMK dibawah bimbingan Dr. Norhana binti Ahmad, Pensyarah Unit Pendidikan Islam JPA.



Saudara Muhammad bin S. Arman telah menyampaikan ceramah yang bertajuk **‘Peranan Intelektualiti Dalam Kepimpinan Islam’** manakala Saudari Nurul Aqilah menyampaikan ceramah yang bertajuk **‘Komunikator Efektif Membentuk Pemimpin Berkualiti’**.

Debaran menanti keputusan peringkat saringan bagi penentuan ke peringkat akhir akan diumumkan pada 5 April 2024.

Pengalaman ini bakal membawa semangat yang lebih dinamik khususnya kepada pelajar dalam meneroka laluan perkembangan dan bakat diri ke peringkat antarabangsa. Dengan ini, doa dari seluruh warga Politeknik Melaka dan sokongan semua pihak didahului dengan sejuta penghargaan.

Kunjungan Delegasi Badan Koordinasi Kemahasiswaan Politeknik Se-Indonesia (BAKORMA)

Oleh: Nor Haizan binti Abdul Halim



MELAKA- Politeknik Melaka dengan berbesar hati menerima kunjungan Delegasi Badan Koordinasi Mahasiswa Politeknik se-Indonesia (BAKORMA) pada 23 Februari 2024 jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Serbaguna Politeknik Melaka. Sebagai makluman, BAKORMA ini berperanan dalam mengkoordinasi dan mengelola aktiviti kemahasiswaan di berbagai politeknik yang ada di seluruh Indonesia. Di antara agenda lawatan ke Politeknik Melaka adalah bagi membincangkan potensi kerjasama mahasiswa kedua-dua negara seperti dalam pertandingan sukan, debat, tilawah dan lain-lain.

Delegasi diketuai oleh Ketua BAKORMA, Pak Wahyu Kurnia Dewanto (Politeknik Negeri Jember), pengiring delegasi, Pak Akmal Indra (Politeknik Bengkalis), Wakil Ketua BAKORMA, Pak Dede Irwan (Politeknik Negeri Pontianak), Bendahari BAKORMA, Ibu Nur Rahmawaty Arma (Politeknik Pertanian Negeri Pangkajene Kepulauan), Sekretaris BAKORMA, Pak Candra Irawan (Politeknik Negeri Balikpapan) dan Humas BAKORMA, Pak Kurniawan M. Nur, (Politeknik Negeri Banyuwangi)..

Delegasi seramai 38 orang ini disambut oleh Pengarah Politeknik Melaka, Sr. Haji Razali bin Johari, Ahli Pengurusan Politeknik Melaka, Ketua Unit Antarabangsa Politeknik Merlimau Melaka, staf dan pelajar Politeknik Melaka. Setelah selesai sesi perbincangan ke arah "Letter of Intention" (LOI), delegasi telah di bawa melawat Inkubator Beezybizz dan "Centre of Technology" (CoBTech) Politeknik Melaka.

Politeknik Melaka mengucapkan ribuan terima kasih di atas kunjungan delegasi ini. Semoga kunjungan ini bakal membuahkan kerjasama yang baik dalam masa akan datang.

MAJLIS KONVOKESYEN KALI -21

POLITEKNIK MELAKA

17 Februari 2024 – Politeknik Melaka telah mengadakan Istiadat Konvokesyen Ke-21 bertempat di Grand Ballroom, MITC Melaka. Istiadat ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Ts. Mustapha Sakmud selaku Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi bagi menyempurnakan penyampaian diploma. **“Akademia Bitara Pemacu Graduan TVET Holistik”** telah diangkat sebagai tema istiadat konvokesyen pada kali ini.

Seramai 342 orang pelajar bagi sesi I:2022/2023 dan sesi II:2022/2023 telah bergraduasi dan menerima diploma masing-masing dengan menyaksikan 70 orang dalam jurusan Kejuruteraan Awam, 76 orang jurusan Kejuruteraan Elektrik, 65 orang jurusan Kejuruteraan Mekanikal, dan 131 orang melibatkan jurusan Perniagaan Antarabangsa dan juga Akauntansi.

Istiadat konvokesyen ini juga telah mengangkat dua (2) orang penerima Anugerah Pengarah iaitu SHAIRIL BIN JALILA dari Jabatan Perdagangan (sesi I:2022/2023) dan juga SITI HAFIQAH BINTI KAMSANI dari Jabatan Kejuruteraan Awam (sesi II : 2022/2023). Majlis diserikan juga dengan penganugerahan lain seperti Anugerah Akademik & Kokurikulum, Ikon Kepimpinan Siswa, Ikon Orator, Anugerah Projek Terbaik Kategori Produk dan Penyelidikan serta anugerah lain bagi graduan yang memperlihatkan kecemerlangan dalam bidang akademik dan juga keaktifan kokurikulum sepanjang tempoh pengajian di Politeknik Melaka.

Turut hadir meraikan majlis Konvokesyen ini termasuklah Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Selatan, barisan Penasihat Industri Politeknik Melaka, Pengurusan Tertinggi dan staf Politeknik Melaka.



Program Upgrade Your Emaan 2024

Oleh: Dr. Norhana binti Ahad



MELAKA- Pada 27 Feb 2024, Unit Pendidikan Islam & Moral, Jabatan Pengajian Am PMK bekerjasama dengan Jawatankuasa Muafakat PMK telah menganjurkan Program 'Upgrade Your E-maan' yang diadakan di Surau al-Hikmah, Taman Seri Pandan, Lorong Pandan Melaka, yang mana turut disertai dengan penglibatan 15 orang pelajar daripada Kolej Komuniti Tangga Batu, Melaka.

Bertemakan '**Ibadah Cemerlang, Pelajar Gemilang**', program ini juga bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mampu melengkapkan diri mereka dengan sahsiah dan rohani yang terpuji. Di dalam program ini para pelajar diterapkan dengan slot tahsin al-Fatihah serta tahsin solat dalam mencari kekhusyukkan dengan praktis solat yang betul. Turut diselitkan pengisian slot CSR iaitu penglibatan pelajar dalam membantu pihak pengurusan surau mengemas dan memperindah kawasan persekitaran surau.

Program ini disempurnakan oleh Pengarah PMK iaitu Sr. Hj. Razali bin Johari, dan harapan bersama pihak Politeknik Melaka serta Jawatankuasa Surau al-Hikmah agar penganjuran aktiviti sebegini dapat diteruskan dalam usaha menginspirasi para pelajar untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai mahmudah dalam kehidupan seharian yang akhirnya dapat meningkatkan keimanan mereka sejajar dengan tema '**Upgrade Your Emaan**'.



HARI PENDAFTARAN SISWA SISWI BAHARU SESI II 2023/2024

Oleh: Rabiah binti Mohamad

MELAKA- Hari Pendaftaran Siswa Siswi Baharu Politeknik Melaka Sesi II 2023/2024 telah berlangsung pada 28 Januari 2024 (Ahad) di perkarangan Politeknik Melaka bermula jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 tengahari



Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Politeknik Melaka, Pn Zeyana binti Abdullah. Kedatangan siswa siswi baharu serta ibu bapa telah disambut dan dialu-alukan oleh Timbalan Pengarah, Timbalan Pengarah II dan Ketua-ketua Jabatan. Siswa siswi baharu serta ibu bapa telah diberi taklimat serta sesi soal jawab berkenaan dengan pembelajaran di Politeknik Melaka.

Program ini telah berlangsung dengan lancar dan dipermudahkan dengan kerjasama semua Jawatankuasa Pendaftaran Siswa Siswi Baharu serta barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Siswa siswi baharu kelihatan sangat teruja dengan suasana pendaftaran serta sesi pengajaran dan pembelajaran baharu di Politeknik Melaka.

Siswa siswi baharu yang mendaftar ini akan menjalani sesi pengajian sepanjang 6 semester dan diharapkan semua berjaya menamatkan pengajian dan akhirnya bergelar graduan Politeknik Melaka.


Program Rewang Kesyukuran PMK 2024

Oleh: Munirah binti Abdul Rahim

MELAKA- Pelaksanaan Program Rewang Kesyukuran Politeknik Melaka (PMK) 2024 telah diadakan pada 6 Mac 2024. Program rewang ini adalah satu inisiatif Politeknik Melaka di mana semua staf dan para pelajar berkumpul bersama untuk memasak makanan dan menjamu makanan bersama-sama. Aktiviti ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan ukhuwah di kalangan warga Politeknik Melaka. Program ini bukan sahaja memperkukuhkan ikatan ukhuwah tetapi juga menyumbang kepada amalan hidup sihat dan kebersamaan. Program kesyukuran yang dianjurkan ini juga bersifat "kerohanian" dan diharap dapat memperkukuhkan dan mengembangkan aspek spiritual atau kerohanian dalam kehidupan setiap warga Politeknik Melaka.



HARI WANITA 2024



Oleh: Hazira binti Saleh

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi mengiktiraf dan menghargai peranan yang dimainkan oleh wanita dalam pembangunan negara.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menganjurkan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 pada 8 Mac 2024 dengan tema 'Wanita Dijulang Negara Terbilang'.

Puspanita Cawangan Kecil Politeknik Melaka turut menyahut seruan untuk menyemarakkan sambutan Hari Wanita Antarabangsa dengan turut serta memakai pakaian tema berwarna ungu dan berswafoto beramai-ramai.





KURSUS ASAS PERMAINAN SUKAN BADMINTON POLITEKNIK MELAKA

Oleh: Muhammad Abdul Hafidz bin Mohd Amin

MELAKA – Sukan badminton adalah sukan yang popular di Malaysia dan yang diminati oleh semua lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) Politeknik Melaka telah mengadakan Kursus Asas Permainan Sukan Badminton Politeknik Melaka pada 18 Januari 2024 bertempat di Dewan Badminton Yu Hwa, Bachang, Melaka yang melibatkan seramai dua puluh empat orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan dan unit. Kandungan kursus ini merangkumi pengenalan peralatan permainan sukan badminton. Seterusnya senaman ringkas untuk pemanasan badan. Teknik pukulan serta pengiraan pemarkahan dan terakhir mini pertandingan.

Mini pertandingan dianjurkan secara beregu (double) yang menggunakan format pertandingan Liga Kumpulan. Sebanyak dua (2) kumpulan telah dibentuk dimana Kumpulan A sebanyak 5 pasukan dan Kumpulan B sebanyak 4 pasukan. Pasukan yang mendapat mata tertinggi bagi Kumpulan A dan Kumpulan B akan bertemu untuk penentuan Johan dan Naib Johan.

Keputusan akhir mini pertandingan ini adalah seperti berikut:

Emas dimenangi oleh (Medal + Piala)

Shahrul Nizam bin Shariff (BKP) & Suhaizan bin Md Sarmuji (BKP)

Perak dimenangi oleh (Medal)

Muhammad Subhi bin Ismail (ULPL) & Khairulzamil bin Md.Nazimuddin (JKA)

Gangsa Bersama (Medal)

Mariam binti Hussain (ULPL) & Abd Halim bin Mahat (JKM)

Mohamad Azwan bin Ikhwat (JKA) & Yuhani binti Jimian (Jamian) (JKA)

KURSUS ASAS PERMAINAN SUKAN PETANQUE POLITEKNIK MELAKA

Oleh: Muhammad Abdul Hafidz bin Mohd Amin



MELAKA – Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) dan Jabatan Pengajian Elektrik (JKE) Politeknik Melaka telah mengadakan Kursus Asas Permainan Sukan Petanque Politeknik Melaka pada 25 Januari 2024 bertempat di Gelanggang Petanque Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Melaka. Seramai dua puluh empat orang peserta yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan unit.

Sukan petanque menjadi salah satu acara utama yang sering dianjurkan dalam karnival sukan di peringkat warga Politeknik dan Kolej Komuniti, oleh itu kursus asas permainan petanque ini diadakan bagi menambah ilmu pengetahuan dikalangan staf Politeknik Melaka dan dalam masa yang sama mencari bakat untuk staf PMK mewakili pertandingan Sukan PolyCC yang dianjurkan setiap tahun.



Kandungan kursus ini merangkumi pengenalan peralatan permainan sukan Petanque. Seterusnya senaman ringkas untuk pemanasan badan teknik balingan melibatkan “teknik pointing” dan “teknik shooting”, pengiraan pemarkahan dan di akhiri dengan mini pertandingan.

KURSUS PSH MS WORD: REPORT FORMATTING IN WORD

Oleh: Zariyah Abdullah

Politeknik Melaka – Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) telah menganjurkan kursus PSH Ms Word: Report Formatting in Word pada 7 Mac 2024.



Program ini telah dilaksanakan dengan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dalam menghasilkan yang lebih formatif dan berkualiti. Kursus ini telah diadakan di Makmal Komputer 3 dengan dihadiri oleh 19 orang peserta yang merupakan pelajar semester 5 bidang kejuruteraan. Kursus telah disampaikan oleh penceramah Pn. Zariyah bin Abdullah dan fasilitator Pn. Shahida bin Nordin. Kursus telah dijalankan dengan jayanya bermula jam 2.00 petang.

Objektif kursus PSH ini adalah untuk membantu pelajar dalam penulisan laporan latihan industri dan laporan projek akhir pelajar. Peserta berpuas hati dapat menghadiri kursus ini kerana banyak ilmu yang diperolehi dari kursus yang dianjurkan.

Kursus berakhir jam 4.30 petang dan peserta diberikan cenderahati oleh pihak urusetia. Semoga usaha yang dianjurkan oleh JMSK ini dapat diteruskan lagi dalam usaha untuk memberi nilai tambah kepada pelajar selari dengan kehendak industri dalam menghasilkan graduan TVET berkualiti.



Mega Infaq@Ramadhan 1445H/2024M

Oleh: Siti Salbiah Ahmad Shariff

MELAKA - Pada 27 Mac 2024 telah berlangsung program Mega Infaq@Ramadhan 1445H/2024M. Tujuan utama program adalah untuk berkongsi rezeki bersama pelajar PMK disaat berbuka puasa. Pelbagai menu di sediakan secara PERCUMA seperti air balang, air kotak, mee hoon goreng, nasi lemak, lempeng, roti John dan pelbagai jenis buah Segar. Semua juadah ini adalah hasil sumbangan warga Politeknik Melaka. Rata-rata pelajar gembira dan bersemangat untuk berbuka di bulan puasa yang mulia ini. Perpaduan dan patriotism merupakan antara elemen utama dalam menjamin kesejahteraan hidup bernegara oleh itu program ini amat menarik bagi mewujudkan suasana harmoni dikalangan warga PMK.

**Perhatian kepada semua
"Pelajar Politeknik Melaka"**
Sesi II 2023/2024

**Anda dijemput untuk mengambil
makanan secara "PERCUMA"**

**SEMPENA PROGRAM
MEGA INFAK@RAMADAN
1445H/2024M**

Tarikh : 27 Mac 2024
Hari : Rabu
Masa : 3.00 - 5.00 pm
Lokasi : Pusat Pelajar

Menu "Percuma"

1. Nasi lemak 500 bungkus
2. Mee Hoon 300 Pax
3. Roti John 300 Pax
4. Air balang 500 Pax
5. Air Kotak 200 ml - 500 pax
6. Buah Potong 250 Pax
7. Buah Epal 250 Biji
8. Kurma mini 500 pax
9. Lain-lain Menu

Nota : Semua menu adalah hasil sumbangan kakitangan Politeknik Melaka

Sebarang pertanyaan sila hubungi :
Pn Siti Salbiah Binti Ahmad Shariff
(019-3459214)



REWANG PULUT HITAM PUSPANITA

Oleh: Hazira binti Saleh

MELAKA- 27 Mac 2024, Puspanita Cawangan Kecil Politeknik Melaka (PMK) telah melaksanakan rewang untuk memasak bubur pulut hitam. Sebanyak 217 bungkus pulut hitam telah berjaya diagihkan kepada staf, pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan PMK. Rewang ini diketuai oleh Pn Dewi binti Abu dan dibantu oleh barisan jawatankuasa Puspanita . Program ini memberi ruang untuk Puspanita PMK berkongsi rezeki dan menjalin ukhuwah sesama ahli.

Semoga program ini akan diteruskan bukan setakat dalam bulan ramadan sahaja malah pada masa-masa akan datang.



PENGUMUMAN!

SESI II 2023/2024
**POLITEKNIK
MELAKA**

**JANGAN
LEPASKAN
PELUANG !!!**

YURAN PENGAJIAN

RM 200
SEMESTER

SYARAT KEMASUKAN BIDANG KEJURUTERAAN

DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM - DKA

**DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
(KAWALAN) - DJK**

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL - DKM

1. Warganegara Malaysia
2. Memiliki SPM atau Setaraf
3. Lulus Bahasa Melayu
4. Lulus Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
5. Lulus Bahasa Inggeris
6. Mendapat TIGA (3) kepujian dalam mata pelajaran berikut :
 - a) Matematik
 - b) SATU (1) matapelajaran Sains/Teknikal/Vokasional/
Elektif STEM
 - c) SATU (1) matapelajaran lain yang belum diambilkira
kepujiannya
7. Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan
(buta, buta warna), pendengaran, fizikal atau pembelajaran
yang menyukarkan kerja-kerja amali bagi program DJK dan DKM.

BIDANG PERDAGANGAN

DIPLOMA AKAUNTANSI - DAT

1. Warganegara Malaysia
2. Memiliki SPM atau Setaraf
3. Lulus Bahasa Melayu
4. Lulus Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
5. Lulus Bahasa Inggeris
6. Mendapat TIGA (3) kepujian dalam mata
pelajaran berikut :
 7. Matematik
 8. Dua (2) matapelajaran lain yang belum
diambilkira kepujiannya
7. Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan
(buta), pendengaran, fizikal atau pembelajaran yang
menyukarkan kerja-kerja amali.

DIPLOMA PERNIAGAAN ANTARABANGSA - DPI

1. Warganegara Malaysia
2. Memiliki SPM atau Setaraf
3. Lulus Bahasa Melayu
4. Lulus Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
5. Lulus Bahasa Inggeris
6. Lulus Matematik
7. Mendapat LIMA (5) kepujian dalam mana-mana
matapelajaran
8. Calon tidak mempunyai ketidakupayaan
penglihatan (buta), pendengaran, fizikal atau
pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali.



MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI KAMI :

 **06 - 337 6054/6058**

 **HOTLINE JHEPP PMK (011 - 5953 1422)**

HEBAHAN MEDIUM MEDIA SOSIAL PMK...



1. Jom **LIKE**, **FOLLOW** dan **SHARE** media sosial PMK



<https://www.facebook.com/polymelaka>



www.polimelaka.edu.my



[https://www.tiktok.com/@politeknikmelaka?
t=8l35N6xoaG2&r=1](https://www.tiktok.com/@politeknikmelaka?t=8l35N6xoaG2&r=1)

2. Gunakan hashtag # berikut untuk sebarang posting:

#politeknikmelaka

#pmkmelestarikecemerlangan

#tvvet

#gengpolycc

#fyp

3. Tambahan hashtag # berikut bagi tujuan **PROMOSI**:

#jommasukpolimelaka

#upuonline

#fyp

**JOM WARGA POLITEKNIK MELAKA
BERSAMA-SAMA MEMBERI SOKONGAN
DALAM PROGRAM LENSEA IPT**

**PERANAN UNIVERSITI
MEMPERKASA STEM**



SR HJ RAZALI JOHARI
PENGARAH
POLITEKNIK MELAKA

PROF. DR. RAMLAH ZAINUDIN
PENSYARAH/PROFESSOR
FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI SUMBER
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

DATO ROSLI YUSOF
NAIB PRESIDEN KANAN
ENDOWMEN DAN KOMUNIKASI
MANAGEMENT & SCIENCE UNIVERSITY

JUMAAT | **9 MALAM** | **5 JAN 2024**

EARTH HOUR

SILA TUTUP SEMUA LAMPU



**SETIAP JUMAAT
12.30 - 1.30
PETANG**

06-337 6000

<https://polimelaka.mypolycc.edu.my/>

eksapmk2018@gmail.com

06-337 6000

<https://polimelaka.mypolycc.edu.my/>

eksapmk2018@gmail.com

BULAN PENJIMATAN TENAGA



Dengan kerjasama:



06-337 6000

<https://polimelaka.mypolycc.edu.my/>

eksapmk2018@gmail.com

TIPS PENJIMATAN TENAGA

- 01** | PASTIKAN SEMUA SUIS LAMPU & KIPAS DITUTUP APABILA TIDAK DIGUNAKAN
- 02** | CABUT SEMUA PLUG YANG TIDAK DIGUNAKAN
- 03** | SETKAN KOMPUTER DALAM MOD "SLEEP" JIKA TIDAK DIGUNAKAN
- 04** | PASTIKAN TINGKAP DAN PINTU DITUTUP APABILA MEMBUKA PENGHAWA DINGIN
- 05** | PENGANJURAN EARTH HOUR



eksa
datang
lagi

SENARAI PENGANJURAN PROGRAM PENGKOMERSILAN DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI JPPKK TAHUN 2024

Bil	Nama Program	Penganjur	Tarikh
1.	Program Pemindahan Teknologi POLYCC – Siri 1	PBU	23 Februari
2.	National POLYCC Technology Transfer Conference 2024	KOLEJ KOMUNITI KEPALA BATAS	29-30 April
3.	Commercial Pitching: The Big Idea 2024 – Siri 1	KOLEJ KOMUNITI KEPALA BATAS	29-30 April
4.	Commercial And Technology Transfer Expo 2024 (COMTTEX'24)	ICC	2 Mei
5.	Simposium Pengkomersialan Politeknik Dan Kolej Komuniti	KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS	8 Mei
6.	Program Pemindahan Teknologi POLYCC – Siri 2	PKB	11 Jun
7.	Public-Private Research Network Academic Workshop	POLISAS	2 Julai
8.	Pertandingan Polycc Komersial Peringkat Kebangsaan (POLYCCOM) 2024	KOLEJ KOMUNITI JELEBU	6-7 Ogos
9.	Karnival Pengkomersialan POLYCC 2024	ICC	2 September
10.	Pelancaran Buku Transfer Technology Office (TTO)	ICC	2 September
11.	Pertandingan Inovasi Dan Simposium Pelancongan & Hospitaliti Malaysia (PISPeHM 2024) - Commercial Pitching: The Big Idea 2024 – Siri 2	KOLEJ KOMUNITI SELAYANG	6-9 September
12.	Commercial And Technology Transfer Expo 2024 (COMTTEX'24) – Siri 2	ICC	12 September
13.	Commercial Pitching: The Big Idea 2024 – Siri 3	ICC	7-9 Oktober

SENARAI PENGANJURAN PERTANDINGAN INOVASI JPPKK TAHUN 2024

Bil.	Nama Pertandingan Inovasi	Penganjur	Tarikh
1.	The International Innovation Festival 2024 (INNOFEST'24)	Politeknik Sandakan Sabah	29-30 April 2024
2.	Pertandingan Inovasi & Kreativiti @PMJB Peringkat Kebangsaan 2024 (PNiCC'24)	Politeknik METro Johor Bahru	20 Mei 2024
3.	Seminar Amalan Inovasi Tahun 2024 (SAMNOVA 2024) Peringkat Antarabangsa	Politeknik Bagan Datuk	13 Julai 2024
4.	IP Big Stage Colloquium 2024	Politeknik Mersing	16-18 Julai 2024
5.	Borneo Innovation Festival 2024 (BIF'24) Peringkat Kebangsaan.	Kolej Komuniti Kuching	17-18 Julai 2024
6.	12 th International Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'2024)	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	13-15 Ogos 2024
7.	National Invention and Innovation Competition Exhibition and Robot-Sumo 2024 (NICERS 2024)	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah	21-22 Ogos 2024
8.	Konvensyen KIK HB 2024	Politeknik Port Dickson	27-29 Ogos 2024
9.	Pertandingan Inovasi Dan Simposium Pelancongan & Hospitaliti Malaysia (PISPeHM 2024)	Kolej Komuniti Selayang	6-9 September 2024
10.	Invention Innovation Creative Ideas Competition (2i2C)	Kolej Komuniti Bentong	2-3 Oktober 2024
11.	Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET Peringkat Kebangsaan 2024 (PERISA 2024)	Kolej Komuniti Chenderoh	7-9 Oktober 2024
12.	International Borneo Innovation Exhibition and Competition (IBIEC 2024)	Politeknik Kota Kinabalu	23-24 Oktober 2024
13.	1 st Regional TVET Innovation Competition Through Exhibition (ReVEx'24) Peringkat Antarabangsa	Politeknik Ibrahim Sultan	3-5 November 2024

SENARAI PENGANJURAN SEMINAR PENYELIDIKAN JPPKK TAHUN 2024

SEGMENT : PENGUMUMAN -38-

Bil	Nama Seminar Penyelidikan	Penganjur	Tarikh
1.	National Education, Research, Innovation and Entrepreneurship Conference 2024 (NERIEC24)	POLISAS	20-21 Mei
2.	2 nd National Digital Technology and Education Conference (NaDiTEC'24)	PBU	05 Jun
3.	3 rd International Virtual Conference on Education Social Sciences and Technology and Innovation (IVCESTI 2024)	PKT	25-26 Jun
4.	Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat 2024 kali ke-7 (SPSH 2024)	KKSL	9-10 Julai
5.	4 th National Conference on TVET for Undergraduate (NCTS 2024)	PSAS	24-26 Jun
6.	3 rd Conference on TVET Research and Innovation in Logistics and Social Sciences (CTVETriLS'24)	PSP	23-24 Julai
7.	International Research & Innovation Conference (i-RIC 2024)	PNS	24-27 Julai
8.	Asia Sustainable Technology International Conference 2024 (ASTECH)	PKS	5-6 Ogos
9.	2 nd National Action Research and TVET Conference (NARTC 2024)	POLIMAS	14 Ogos
10.	14 th Conference in Education Technical & Vocational Training 2024 (CiE-TVET 2024)	PTSB	20-22 Ogos
11.	5 th International Conference on Applied Sciences, Information and Technology (ICo-ASCNiTech 2024)	PIS	25-27 Ogos
12.	3 rd International Multidisciplinary Academic Conference 2024 (IMAC 2024)	PKK	4 -5 September
13.	Pertandingan Inovasi dan Simposium Pelancongan & Hospitaliti Malaysia (PISPeHM 2024)	KKSY	6-9 September
14.	5 th National Conference Malaysia TVET on Research Via Exposition (MaTRiX 2024)	PJK	11-12 September
15.	International Interdisciplinary ICT & Engineering Practices Conference 2024 (IEPC 2024)	PUO	25 September
16.	Malaysia Marine International Industry Conference (MMIIC 2024)	PBD	8-9 Oktober
17.	10 th Liga Ilmu Serantau (LIS 2024)	PMJ	15-17 Oktober

PENASIHAT AKADEMIK
LAPORAN PEMANTAUAN
PELAKSANAAN SPAK
MINGGU 8

SESI 2: 2023/2024
TARIKH HANTAR

01/04/2024 - 07/04/2024

***PERHATIAN, SEBELUM MENGHANTAR LAPORAN, PA PERLU MEMBUAT**
LAPORAN AKTIVITI MINGGUAN (MINGGU 1 HINGGA MINGGU 8)

MAKLUMAN :
SEBARANG MASALAH & PERTANYAAN BOLEH BERHUBUNG DENGAN
PENYELARAS PENASIHAT AKADEMIK POLITEKNIK (PPAP) ATAU PENYELARAS PENASIHAT
AKADEMIK JABATAN (PPAJ)
Disediakan:
JAWATANKUASA SPAK POLITEKNIK MELAKA



Program Ibadan Qurban Kelompok 1445H



Maka dirikan solat kerana Tuhanmu dan
berkorbanlah- al-Kautsar 108:2

1 Bahagian : RM749 sahaja
(Bayaran RM 249.67 bermula Mac, April & Mei)

TEMPAT TERHAD 14 BAHAGIAN SAHAJA



SCAN UNTUK PENYERTAAN



BANK ISLAM

04015010025436

KELAB KEBAJIKAN STAF
POLITEKNIK MELAKA

Anjuran: Jawatankuasa Kelab
Kebajikan Staf PMK (2023-24)

سَلَامَتٌ هَارِي رَائِي عِيدِ الْفِطْرِ

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

ikhlas dari kami sidang redaksi
Berita PMK 2024

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ، صِيَامَنَا وَصِيَامَكُمْ،
كُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ مِنَ الْعَائِدِينَ
وَالْفَائِزِينَ

Semoga kita termasuk orang-orang yang sentiasa
bersyukur dan diterima amalan kita sepanjang
bulan Ramadhan yang mulia ini.